

KENYATAAN MEDIA

28 JUN 2023

**Suruhanjaya Tenaga**  
(Energy Commission)  
No. 12, Jalan Tun Hussein,  
Precinct 2,  
62100 Putrajaya,  
Malaysia.  
T : +603 8870 8500 F : +603 8888 8637  
Toll Free : 1-800-2222-78(ST)

## **Pelarasan Tarif Elektrik di Kulim Hi-Tech Park, Kedah bagi Tempoh 1 Julai 2023 Hingga 31 Disember 2023**

**PUTRAJAYA, 28 Jun** – Kerajaan pada 16 Jun 2023 telah bersetuju supaya pelarasan tarif elektrik bagi NUR Power Sdn. Bhd. (NUR) di Kulim Hi-Tech Park, Kedah (KHTP) yang dilaksanakan di bawah mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (*Imbalance Cost Pass-Through - ICPT*) bagi tempoh 1 Julai 2023 hingga 31 Disember 2023, adalah diputuskan seperti berikut:

- i. Semua pengguna domestik (tarif N1) dikecualikan daripada kadar surcaj ICPT dan tidak akan mengalami kenaikan tarif elektrik; dan
- ii. Semua pengguna **bukan** domestik akan mengalami penurunan kadar surcaj ICPT daripada 8.19 sen/kWj kepada 5.39 sen/kWj.

Bagi tempoh semakan ICPT daripada 1 Januari 2023 hingga 30 Jun 2023, Suruhanjaya Tenaga (ST) mendapati bahawa kos sebenar bagi bahan api dan kos penjanaan di KHTP adalah lebih tinggi berbanding yang diunjurkan dalam penetapan tarif asas bagi tempoh yang sama melalui tempoh kawal selia kedua (RP2), di bawah kerangka kerja *incentive-based regulation* (IBR), iaitu sebanyak RM50.21 juta.

---

### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

Antara faktor peningkatan kos tersebut adalah susulan daripada kenaikan harga purata bahan api gas berpaip sehingga mencecah pada kadar RM34/mmBTU pada Januari hingga Jun 2023 mengikut formula *Reference Market Price* (RMP) berbanding yang diunjurkan iaitu RM26/mmBTU.

Penetapan tarif elektrik untuk NUR yang dilaksanakan melalui kerangka kerja IBR ini mempunyai dua (2) komponen utama, iaitu tarif asas dan ICPT. Tarif asas tidak berubah dalam tempoh kawal selia IBR yang disemak setiap tiga (3) tahun. Namun demikian, kadar ICPT diselaras setiap enam (6) bulan, bergantung kepada perubahan kos bahan api bagi penjanaan elektrik.

Pelarasan ini mengambil kira perbezaan antara kos bahan api dan kos penjanaan elektrik sebenar (bagi tempoh 6 bulan) berbanding kos yang diunjurkan dalam penetapan kadar tarif asas NUR. Sebarang perbezaan akan dilepaskan dalam bentuk rebat atau surcaj (sen/kWj) melalui bil elektrik pengguna. Sekiranya kos sebenar melebihi kos yang diunjurkan, maka pengguna akan dikenakan surcaj. Namun, sekiranya kos sebenar lebih rendah daripada kos yang diunjurkan, maka pengguna akan menerima rebat.

**\*\*\*TAMAT\*\*\***

***Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:***

*Veliana Ruslan/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin*

*Unit Promosi dan Hubungan Luar*

*Tel: 03-8870 8753/019-2131978 (Veliana)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)*

*Emel: veliana@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my*

---

#### **MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA**

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.